

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1991/1992

Mac/April 1992

JHG 231 - Geografi Manusia

Masa: [3 jam]

ARAHAN

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab EMPAT soalan sahaja; DUA soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

BAHAGIAN A

Jawab DUA soalan sahaja daripada Bahagian ini.

1. Buat satu huraian mengenai pendekatan kajian (oleh ahli geografi Barat) yang terdapat dalam bidang geografi manusia.
(100 markah)

2. Jelaskan bagaimana interaksi dwihala antara manusia dan alam sekitar semula jadi menampakkan bahawa manusia masih lagi dibatasi oleh fenomena alam semula jadi.
(100 markah)

3. Jelaskan bagaimana model peralihan demografik boleh membantu seseorang memahami masalah ketidakseragaman pengalaman pembangunan ekonomi sesebuah negara.
(100 markah)

4. Krisis tekanan populasi sesebuah negara berlaku disebabkan ketidakseimbangan di antara pertumbuhan dan bilangan populasi dengan bekalan makanan. Bincangkan.
(100 markah)

BAHAGIAN B

Jawab DUA soalan sahaja daripada Bahagian ini.

5. Nyatakan ciri-ciri utama yang mempengaruhi pembentukan lanskap budaya di permukaan bumi.
(100 markah)

6. Buat satu huraian tentang fungsi bandar yang menampakkan kepelbagaian aktiviti ekonomi dan sosial setempat.
(100 markah)

7. Nyatakan bagaimanakah ekonomi yang bercorak dualistik mempengaruhi perkembangan ekonomi sebuah Negara Dunia Ketiga.
(100 markah).

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1991/1992

Mac/April 1992

JHG 232 - Geografi Fizikal

Masa: [3 jam]

ARAHAN

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab mana-mana EMPAT soalan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan, hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.
3. Sertakan ilustrasi atau rajah di dalam jawapan anda bagi setiap soalan yang berkenaan.